

Peranan Program Berimpak Tinggi Dalam Mencapai Aspirasi Pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

Mohd Amirul Shafik Shamsul, Nur Hasyimah Zulkepli, Mohd Ridhwan Abdul Manan,
Norhidayah Hairul Azman & Nor Azurin Ali
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ABSTRAK

Lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) berfokus kepada usaha melahirkan graduan yang holistik, bersifat usahawan dan seimbang menerusi enam aspirasi pelajar; etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Semua elemen ini dapat diperolehi melalui penglibatan aktif pelajar dalam program berimpak tinggi di kolej kediaman yang juga menjadi medium efektif antara komuniti universiti dengan komuniti setempat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan program berimpak tinggi di peringkat kolej kediaman mencapai aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan. Kolej Ibrahim Yaakub, Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi lokasi utama kajian kes ini berdasarkan pengalaman warga kolej tersebut dalam penganjuran program kemasyarakatan yang berimpak tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. 10 peserta kajian yang terdiri daripada pihak pengurusan, felo penasihat dan pelajar menyumbang kepada dapatan data bagi menjawab persoalan kajian. Transkrip daripada sesi temu duga dan dokumen sesuai dianalisis berdasarkan analisis bertema.

Kata kunci: Program berimpak tinggi, aspirasi pelajar, pelan pembangunan pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Peranan kolej kediaman di institut pendidikan tinggi negara telah melalui proses transformasi yang semakin signifikan supaya memenuhi kehendak semasa masyarakat dan objektif pembangunan negara. Imej kolej kediaman juga telah mula melalui perubahan yang positif melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu enam aspirasi pelajar; etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Selari dengan pembangunan ini, pelbagai inisiatif telah diambil bagi memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan di institut pendidikan tinggi termasuklah pihak pentadbiran, pensyarah, pelajar dan juga masyarakat. Malah sokongan pengurusan kolej kediaman terhadap aspek penganjuran program berimpak tinggi menjadi komponen utama dalam pendidikan di institut pendidikan tinggi (Coates & Edwards 2009; Kuh 2001). Sistem Pendidikan Malaysia adalah bersifat holistik dan global dimana aspek kurikulum dan ko-kurikulum diberi penekanan oleh semua pihak terlibat. Malah penekanan dalam aktiviti ko-kurikulum di peringkat pendidikan tinggi berupaya menjana kemahiran insaniah yang mampu membangunkan insan yang seimbang serta kompetitif dalam platform kebangsaan dan antarabangsa (Esa et al. 2004).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sektor pendidikan tinggi negara sedang melalui proses globalisasi dan pemodenan dalam aspek akademik, ko-kurikulum, sosial dan pembangunan insaniah pelajar. Usaha mencapai objektif pendidikan yang berkesan dan melahirkan graduan berdaya saing tidak hanya terletak pada bahu ahli akademik di fakulti dan pusat pengajian semata-mata, malah tanggungjawab ini turut dikongsi bersama barisan pengurusan di peringkat kolej kediaman. Lonjakan pertama dalam proses transformasi pendidikan tinggi negara menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) berfokus kepada usaha melahirkan graduan yang holistik, bersifat usahawan dan seimbang. Definisi graduan dalam konteks ini dapat diperoleh melalui program berimpak yang mampu memberi pendedahan terhadap kemahiran alaf ke-21, akses kepada pengetahuan dan kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi dan identiti kebangsaan. Malah focus utama kementerian Pendidikan tinggi Malaysia turut disalurkan terhadap usaha pembangunan diri pelajar selari dengan aspirasi etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Enam aspirasi pelajar ini memperlengkapkan diri pelajar yang seimbang antara akhlak dan ilmu supaya menjadi individu yang berdaya saing di pelbagai platform.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah platform pendidikan tinggi yang efisien dalam menyediakan kemudahan kepada para pelajar terutamanya di dalam kawasan kolej kediaman sebagai sebahagian daripada agenda mempertingkatkan tahap kehidupan dan kerja warga universiti. Semua kemudahan yang terdiri daripada aspek fizikal dan sokongan adalah penting dalam memberi nilai tambah diri pelajar melalui pelbagai aktiviti. Kolej Ibrahim Yaakub ialah antara 12 kolej kediaman yang menyediakan pelbagai kemudahan ini serta turut membantu mencapai matlamat yang aspirasi pelajar. Coates & Edwards (2009) menambah bahawa sokongan berterusan daripada institut pendidikan adalah faktor yang sangat kuat dalam usaha keberhasilan graduan. Kolej kediaman di universiti mempunyai organisasi yang sistematik. Masa pelajar banyak diperuntukkan di kolej sebagai lokasi beristirahat, bersosial, berorganisasi serta beraktiviti. Kolej kediaman bukan sahaja berperanan dalam menyediakan penginapan kepada pelajar malah turut memberi fokus terhadap usaha-usaha membangunkan nilai kebolehpasaran pelajar (Mohd syariefudin et al. 2006) yang menjadi tunjang utama bidang keberhasilan pelajar dalam alaf ke-21. Objektif ini boleh dicapai melalui perlaksanaan program berimpak tinggi oleh pelajar di pelbagai peringkat. Dalam masa yang sama, program berimpak yang dijalankan haruslah menjadi nadi utama antara pihak universiti dengan masyarakat samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang menjadi asas pembangunan pelajar. Malah Coates & Edwards (2009) menyatakan bahawa kehidupan di kolej menjadi nadi utama antara budaya bersosial, pembelajaran formal dan kehidupan bermasyarakat yang mampu memberikan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Malah komunikasi dan interaksi dengan masyarakat ini membolehkan pelajar untuk memahami situasi dan budaya semasa di sesebuah tempat (Mohd syariefudin et al. 2006)

Budaya penganjuran program berimpak tinggi dalam kalangan pelajar melalui kolej kediaman telah menjadi cabang utama pergerakan pelajar di Kolej Ibrahim Yaakub, Universiti Kebangsaan Malaysia. Organisasi pentadbiran dan pelajar yang dinamik di kolej ini telah menjadi penanda aras bagi setiap sesi dalam usaha penambahbaikan program untuk sesi seterusnya. Di samping itu, program berimpak juga berupaya membangunkan pelajar yang lebih holistik di mana nilai-nilai kepimpinan (Nur Izza Ainaa & Wan Hanim Nadrah 2014), kemanusiaan, kognitif, komunikasi, praktikaliti dapat diaplikasi semasa berhubung dengan masyarakat setempat

(Stirling & Gretchen 2015; Kuh 2001). Pelajar yang aktif dalam aktiviti ko-kurikulum amnya memperoleh lebih banyak manfaat seperti keputusan akademik yang baik, penglibatan intelektual yang tinggi, berdisiplin, berkeyakinan tinggi, mempunyai nilai moral serta kemahiran insaniah (Stirling & Gretchen 2015; Wilson 2009; Weber 2008; Wasal Khan & Mohammad Iqbal 2014).

PERMASALAHAN KAJIAN

Institut pendidikan ialah asas bagi pembentukan generasi yang akan meneruskan kelangsungan sesebuah masyarakat. Namun, jurang yang wujud antara pihak majikan dengan graduan universiti menimbulkan pelbagai isu yang menjadi semakin serius. Pelajar gagal mencapai semua aspirasi pelajar yang menjadi nadi utama pembangunan Pendidikan tinggi negara. Isu kebolehpasaran graduan universiti tempatan telah lama ditimbulkan oleh pelbagai pihak yang terus menjadi isu utama hingga kini. Defisit terhadap produktiviti graduan tempatan menjadi salah satu faktor utama pengangguran di negara ini (Noor Azyani & Ahmad 2012). Terdapat banyak isu yang ditimbulkan oleh pihak majikan samada dalam bidang profesional, komersial atau industri mengenai kelemahan graduan tempatan yang kurang kemahiran-kemahiran utama seperti komunikasi, berfikir secara kreatif dan kritikal, praktikaliti, ICT (*Information and Communication Technology*) dan berorganisasi (Noor Azyani & Ahmad 2012; Hassan et al. 2010; Tahir et al. 2008; Assain & Safar 2011; OECD 2015). Pelajar juga gagal memaksimumkan pendedahan yang dianjurkan untuk berhubung dengan masyarakat melalui medium kolej kediaman.

Zainal Ariffin (1998) dipetik oleh Lokman & Samsiha (2008) menyatakan bahawa lima faktor yang menyumbang kepada kualiti kehidupan pelajar ialah penginapan, kemudahan, pengurusan, aktiviti dan penglibatan. Jelaslah bahawa aspek penganjuran program berimpak dalam kalangan pelajar di kolej kediaman memberi kesan yang besar terhadap nilai kebolehpasaran graduan. Kajian daripada (Lokman et al. 2008) menunjukkan bahawa peranan pengurusan dan felo terhadap budaya berorganisasi pelajar masih di tahap sederhana. Malah hasil kajian ini diperkuatkan dengan kenyataan bahawa aktiviti pelajar oleh pihak pengurusan dan felo masih kurang membantu usaha pembangunan kemahiran pelajar. Mohd Abdul Fatta (1996) dipetik oleh Lokman et al. (2008) menyatakan bahawa sokongan daripada pihak pengurusan dan felo seharusnya menjadi faktor utama dalam membantu pelajar terlibat secara aktif dalam budaya berorganisasi namun tidak semua pihak berjaya mendekati pelajar secara lebih dekat. Aspek ini turut memberi kesan terhadap hubungan pelajar dengan masyarakat dalam program yang dijalankan. Hal ini disebabkan sokongan pengurusan adalah penting bagi kelangsungan program untuk memberikan impak yang kuat dalam jangka masa yang Panjang. Namun jurang antara interaksi pelajar dengan masyarakat akan memberi kesan negatif terhadap persediaan graduan untuk berkhidmat kepada komuniti (Morshidi Sirat et al. 2012).

Dalam aspek yang lain, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan agar semua pihak dapat menilai serta mengenal pasti jurang yang wujud dalam usaha membentuk graduan berasaskan kehendak ekonomi semasa. Permasalahan kajian ini turut menyentuh aspek kurangnya kajian dalam isu pengajuran program berimpak tinggi sebagai medium utama pelajar dalam usaha mencapai aspirasi pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai salah satu universiti terkemuka negara. Kolej Ibrahim Yaakub (KIY) ialah antara kolej yang melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi dalam pelbagai bidang. Malah program yang menyumbang kepada pembangunan pelajar dan masyarakat samada secara fizikal, pendidikan, dan pendedahan

berjaya mengorak langkah hingga ke peringkat antarabangsa. Namun masih tiada kajian dijalankan terhadap budaya berorganisasi dan pengajuran program berimpak tinggi selari dengan aspirasi pelajar di KIY sehingga kini. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti senario yang sedang berlaku dalam aspek ini serta mengisi jurang kajian yang telah dikenal pasti bagi menyediakan hasil kajian dalam medium perkongsian ilmu dan maklumat secara ilmiah dan berkesan.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberi signifikan kepada pihak berautoriti dalam sektor pendidikan tinggi negara termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM), institut pendidikan tinggi swasta serta barisan pentadbiran yang terlibat dalam bidang pengurusan kolej kediaman. Hal ini kerana hasil kajian yang dijalankan akan menjadi penanda aras utama dalam usaha peningkatan tahap pengurusan dan budaya berorganisasi kolej kediaman UKM. Hasil kajian yang berdasarkan budaya perkongsian strategik antara pelajar, masyarakat dan pihak berautoriti melalui penganjuran program berimpak tinggi di universiti harus diberi keutamaan supaya penambahbaikan dalam aspek ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di masa hadapan. Malah prospek program ini berpotensi untuk mewujudkan medium yang lebih efektif dalam aspek pendedahan budaya dan peluang pekerjaan kepada para pelajar. Selain pihak berautoriti, para akademik dan pelajar juga mampu mengenal pasti peluang yang lebih baik agar dapat menjalankan program berimpak serta berpotensi membangunkan bidang-bidang yang masih baru dalam kalangan ahli akademik atau masyarakat. Semua aspek yang diperoleh daripada hasil kajian harus diteliti agar sebarang kekurangan atau cabaran yang dihadapi dapat ditempuh dengan lebih efisien untuk generasi pelajar yang akan datang. Kajian ini juga akan menjadi memberi laluan kepada kajian-kajian yang akan dijalankan kelak dalam usaha mengkaji impak budaya berprogram dalam kalangan pelajar kolej kediaman terhadap komuniti terlibat. Hasil tersebut akan menjadi refleksi mengenai peranan pengurusan dan pelajar dalam mencapai hala tuju pendidikan tinggi negara yang jelas.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti peranan program berimpak tinggi yang dianjurkan di peringkat kolej kediaman Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mencapai enam aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 serta meningkatkan nilai kebolehsasaran pelajar masa kini.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui peranan program berimpak tinggi dalam mencapai enam aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
2. Mengetahui peranan program berimpak tinggi sebagai medium dalam meningkatkan nilai kebolehsasaran pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah peranan program berimpak tinggi dalam mencapai enam aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025?
2. Apakah peranan program berimpak tinggi sebagai medium dalam meningkatkan nilai kebolehan pasaran pelajar?

Aspirasi Pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (E-6) telah menggariskan enam aspirasi pelajar sebagai kesinambungan aspirasi pelajar peringkat pra-sekolah hingga menengah atas di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Enam aspirasi pelajar ini bertujuan membangunkan potensi pelajar dalam mewujudkan individu yang holistik antara akhlak dan ilmu. Hal ini penting dalam meningkatkan aspek kebolehan pasaran graduan yang akan memasuki dunia pekerjaan yang semakin mencabar dan sengit. Enam aspirasi tersebut iaitu etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan harus menjadi elemen utama dalam setiap objektif penganjuran aktiviti ko-kurikulum atau program berimpak tinggi di peringkat kolej kediaman. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, pelajar yang harus dilahirkan dalam sistem pendidikan tinggi nasional harus mempunyai etika dan kerohanian yang mampan agar mampu menyumbang kepada gaya hidup sihat, mempunyai kemahiran memimpin yang berkesan, mempunyai jati diri kebangsaan yang kukuh melalui elemen identiti nasional, mampu berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa global, mempunyai kemahiran berfikir yang kritikal, inovatif dan kreatif, serta menguasai bidang pengetahuan yang meluas dan mengaplikasi ilmu dalam membangunkan negara. Masa yang diperuntukan di kolej kediaman harus digunakan secara optimum agar dapat meningkatkan kemahiran dan nilai diri pelajar selain daripada ilmu akademik yang diperolehi.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan berdasarkan reka bentuk kajian kes yang mengaplikasi sesi temuduga dan analisis dokumen sebagai kaedah bagi mengumpulkan data kajian. Sampel kajian yang terdiri daripada lima (5) orang pelajar Kolej Ibrahim Yaakub dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Data yang diperolehi akan dianalisis melalui kaedah bertema melalui pembinaan tema-tema utama daripada transkrip temuduga serta dokumen yang terpilih.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, seramai lima orang pelajar yang mempunyai pengalaman menyertai dan mengikuti program berimpak tinggi telah ditemubual bagi memperoleh dapatan kajian yang lebih kukuh. Temubual telah dilakukan secara bersemuka dan secara berkumpulan. Temubual juga telah dilakukan di kolej Ibrahim Yaakub, Universiti Kebangsaan Malaysia. Temubual terdiri daripada dua orang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar wanita. Secara umumnya satu proses temubual tersebut telah mengambil masa diantara 30-60 minit. Kajian ini dilakukan untuk melihat pandangan mereka mengenai peranan program berimpak tinggi daripada enam aspek aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Enam

aspek itu ialah etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan yang mereka perolehi.

Peranan program berimpak tinggi dalam mencapai enam aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

i) Etika dan Rohani

Data dari kajian menunjukkan hampir kesemua responden berpendapat melalui program berimpak tinggi, pelajar berjaya membentuk etika mahasiswa menjadi lebih baik. Tetapi ada juga responden yang kurang bersetuju bahawa program berimpak tidak mampu membentuk rohani mahasiswa yang baik. Melalui program berimpak tinggi pelajar didedahkan dengan pengurusan sesuatu program yang lebih profesional dan seterusnya dapat membentuk etika dan rohani pelajar menjadi lebih baik. Hal ini kerana Universiti merupakan satu agen perubahan dalam masyarakat yang berperanan memberikan pendidikan tinggi, sekaligus berfungsi menangani masalah kepincangan etika dan moral yang berlaku (Amini Amir, 2006). Antara program berimpak yang telah dianjurkan oleh Kolej Ibrahim Yaakub ialah program Mobiliti Ilmiah di Aceh, Indonesia. Program menekankan aktiviti kebajikan dan aktiviti mengajar kepada golongan yang kurang berkemampuan. Seterusnya melalui program berimpak tinggi pelajar terdedah dengan aktiviti berunsurkan moral yang mampu mengubah etika dan rohani pelajar. Faktor keberkesanan sesuatu program yang telah dijalankan oleh pelajar mengandungi keperluan pembangunan etika dan moral dan seterusnya dapat memperkembangkan psikologi pelajar. Pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar merupakan salah satu perkara utama yang disentuh di dalam falsafah pendidikan negara.

ii) Kemahiran Kepimpinan

Dapatan kajian menunjukkan program berimpak tinggi mampu mengasah bakat kepimpinan diri pelajar melalui pendedahan bersuara ketika berhadapan dengan pelbagai latar belakang masyarakat. Kebolehan dari segi kepimpinan merupakan salah satu aspek penting dalam pembentukan masyarakat yang bersatu padu (Ahmad et.al, 2014). Melalui program yang disertai, pelajar dapat mempelajari cara mengetuai dan cara pelaksanaan sesuatu program itu berjalan. Setiap program memerlukan Ahlijawatankuasa dalam melaksanakan sesuatu program. Secara tidak langsung pelajar dapat mempelajari ilmu kepimpinan kerana mereka di didik untuk menjadi ketua. Secara tidak langsung pelajar akan lebih terdedah kepada cara-cara untuk mengawal emosi dan tingkah laku. Menurut (Robinson, 2009) seseorang pemimpin yang baik boleh mempengaruhi pasukannya untuk menyertai aktiviti yang dilakukan dan mampu berinteraksi dengan baik kepada ahli pasukannya serta menimbulkan perasaan timbang rasa, semangat berkerjasama dalam kalangan ahli pasukan dan homat menghormati.

iii) Identiti Kebangsaan

Data kajian menunjukkan hampir kesemua responden bersetuju melalui program berimpak tinggi identiti kebangsaan mampu dilahirkan. Menurut (Mendelsohn, 2002), identiti boleh merujuk kepada dua perkara iaitu kualiti dan ciri yang dikongsi bersama dalam komuniti dan bagaimana individu mentakrifkan diri mereka. Responden menyatakan melalui program luar negara yang

dilakukan, identiti kebangsaan dapat dikekalkan dalam jiwa pelajar. Ini kerana program yang dilakukan di luar negara membawa kepada idea baharu atau identiti universiti kepada pihak luar. Kebijaksanaan pelajar Malaysia di ukur oleh negara luar. Antara contoh program berimpak yang telah dilakukan oleh Kolej Ibrahim Yaakub adalah Program Jejak Bandung di Universiti Teknologi Bandung, Indonesia. Program ini berobjektifkan keusahawanan. Pelajar telah melakukan pertukaran idea pemasaran produk jual beli barang. Program ini merupakan perkongsian idea kreatif mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang membawa identiti kebangsaan yang sememangnya baharu, lantas membantu melahirkan aspirasi mahasiswa berinovatif.

iv) Kemahiran Berbahasa

Kemahiran berbahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berbahasa yang baik mampu menonjolkan kemampuan, bakat dan keterampilan diri pada pelajar tersebut. Data kajian menunjukkan hampir kesemua responden bersetuju melalui program berimpak tinggi, pelajar mampu mempunyai kemahiran berbahasa. Namun, ada seorang responden yang mengatakan kemahiran berbahasa kurang diketengahkan di dalam program. Hal ini menunjukkan ada di antara ahli jawatankuasa yang pasif dalam sesuatu organisasi yang mengakibatkan kemahiran berbahasa tidak dapat dipraktikkan. Program berimpak sememangnya mampu melahirkan pelajar yang tinggi kemahiran berbahasa jika ahli jawatankuasa memainkan peranan sebagai ahli aktif. Perkara ini dapat dilihat dalam teori Skinner dalam (Santrock, 2008) yang mengatakan tentang perangsang (positif atau negatif) yang dapat membawa kepada pembentukan perilaku seseorang. Kemahiran berbahasa yang baik dapat dipraktikkan dalam sesuatu program, di mana pelajar diajar cara berkomunikasi dengan pelbagai pihak. Aktiviti pemasaran dalam pencarian dana kepada program dapat mengajar pelajar cara pertuturan dengan betul. Ini jelas menunjukkan kemahiran berbahasa dapat diwujudkan dalam program berimpak tinggi.

v) Kemahiran Berfikir

Falsafah Pendidikan Negara memberi penekanan utama dari segi perkembangan daya intelek individu dalam perkembangan rohani, emosi, dan jasmani, (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Selaras dengan falsafah, maka kemahiran berfikir telah dijadikan satu daripada elemen utama dalam sistem pendidikan negara sebagai usaha meningkatkan perkembangan intelek pelajar. Pelajar yang menguasai kemahiran berfikir sudah mampu membuat keputusan dengan bijak. Pelaksanaan program berimpak tinggi diperingkat universiti antara langkah yang baik dalam mempraktikkan kemahiran berfikir kepada pelajar. Data kajian menunjukkan kesemua responden berpendapat program berimpak tinggi mampu meningkatkan kemahiran berfikir. Program yang dilaksanakan sudah pasti mempunyai rintangan dalam proses menjadikannya program berimpak tinggi. Setiap permasalahan yang timbul membuatkan pelajar berfikir secara kreatif. Di samping itu Pelajar-pelajar juga akan berkeupayaan untuk membuat pertimbangan dan penilaian tentang kebaikan dan keburukan sesuatu itu dari segi amalan, nilai dan sikap. Penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar pada bari ini, secara langsung dapat mendedahkan pelajar kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif untuk menghadapi dunia yang saling berhubungkait tanpa sebarang sempadan, melatih mereka agar mempunyai kebolehan memimpin dan berupaya menjana ekonomi negara pada masa akan datang dengan penuh keyakinan dan berketrampilan (Abdul Said, 2014).

vi) Pengetahuan

Pengetahuan dalam kajian ini adalah sesuatu yang diketahui oleh seseorang melalui sumber informasi serta idea yang diperolehi dalam sesuatu aktiviti sebelum atau selepas secara formal atau tidak formal. Manakala menurut (Abdul Hamid, 2004) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Data kajian menunjukkan responden bersetuju yang program berimpak tinggi dapat meningkatkan tahap pengetahuan pelajar. Responden menyatakan apabila pelajar selalu didedahkan dengan pelbagai jenis program dan persekitaran yang baru maka tahap pengetahuan pelajar tentang sesuatu perkara dapat dipelajari. Secara tidak langsung, dapat mengembangkan pengetahuan tentang sesuatu benda baru. Seterusnya menyokong bahawa program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh Universiti Awam mampu mencapai aspirasi pelajar menerusi pelan pembangunan pendidikan Malaysia.

Peranan program berimpak tinggi sebagai medium dalam meningkatkan nilai kebolehan pasaran pelajar

Dapatan kajian menunjukkan responden menyatakan program berimpak tinggi dapat mendedahkan pelajar kepada nilai jati diri yang tidak boleh diperolehi di dalam kuliah dan meningkatkan keyakinan pelajar berhadapan dengan dunia luar. Hampir kesemua responden menyokong program berimpak tinggi mampu meningkatkan nilai kebolehan pasaran pelajar. Kebolehan pasaran dalam kajian ini bermaksud nilai diri graduan atau kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh para graduan yang membuatkan bakal majikan berminat untuk menawarkan pekerjaan kepada mereka. Menurut kajian yang dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terdapat lima faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan iaitu kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam bahasa inggeris, sikap negatif sesetengah graduan terhadap pekerjaan dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan (Hazrul Ismail, 2012). Maka, untuk mendapatkan nilai tambah kepada pelajar setelah tamat pengajian, pelajar haruslah mengikuti program-program di universiti. Menjadi pelajar aktif bukanlah menjadi satu pilihan. Seharusnya, pelajar harus wajib memiliki kemahiran insaniah dan berminat untuk menyertai dan membuat program-program yang berimpak tinggi di peringkat universiti. Ini seiring dengan matlamat negara yang ingin melahirkan generasi baru yang mempunyai kemahiran insaniah dan kemahiran yang diperlukan industri pada masa kini.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan data daripada responden kajian yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penganjuran program berimpak tinggi di Kolej Ibrahim Yaakub, jelas bahawa aspek pengajaran program turut menyumbang kepada pencapaian enam aspirasi pelajar seperti yang diutamakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu; etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Namun masih terdapat kekurangan dalam aspek

pengajaran serta keterlibatan program dalam memenuhi setiap aspirasi disebabkan pelbagai faktor. Hal ini perlu dititikberatkan bagi usaha menyediakan platform yang lebih efektif pada masa akan datang. Disamping itu, usaha ini turut menyumbang kepada nilai kebolehpasaran pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan kelak dimana setiap nilai tambah yang diperoleh sepanjang proses ini mampu memamatkan asas pembangunan diri pelajar dalam aspek komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Maka jelaslah bahawa selain ilmu di dewan kuliah, ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang penglibatan pelajar di kolej kediaman turut menjadi elemen utama terhadap keberhasilan diri pelajar dalam mencapai hasrat negara.

RUJUKAN

- Assain, F.A. & Safar, H.M. 2011. Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik : Satu Analisis Perbandingan.
- Abdul Said Ambotang. 2014. Menerapkan Kemahiran Berfikir, *Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS*
- Ahmad Nazari, Norazilawati Abdullah & Mohd Nazir. 2016. Teknologi maklumat dan komunikasi sememangnya mempengaruhi serta memberi impak yang mendalam kepada peradaban manusia pada zaman ini. *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4, 1(1), 12-21.*
- Ahmad Esa, Kamaruddin Khalid & Sarabah Warman. 2014. Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC)*
- Coates, H. & Edward, D. 2009. Engaging College Communities: The Impact of Residential Colleges in Australia Higher Education. *AUSSE Research Briefing V4.*
- Esa, A., Yunos, J.M & Kaprawi, N. 2004. Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Kemahiran Generik. *Jurnal Sains Sosial: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Bil 1.Ms 81-94.*
- Hassan, S. C., Hassan, N.C & Buang, N.A (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia. *Proceedings of The 4th Conference On Teacher Education, Joint Conference UPI & UPSI, 852-863.*
- Kuh, G. D. (2001). Assessing What Really Matters to Student Learning: Inside The National Survey Of Student Engagement. *Change, 33(3), 10-17.*
- Lokman M. T, Zainal Ariffin, A. 1996. Kualiti Kehidupan Di Desasiswa: Satu Kajian Kes Dari Perspektif Pembangunan Pelajar. *Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK 96) USM.*
- Lokman, M. T. & Samsiha, M. N. 2008. Penilaian Terhadap Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Memperingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar: Tinjauan Di Lima Buah Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia.
- Lokman, M. T., Sanutah M. Y, Shamsuha M. N. 2008. Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Memperingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar. *University Teknologi Malaysia.*
- Mohd Syarifudin, A., Khairul Azam, B. & Alene Tawang. 2006 Peranan Pengetua dan Felo dalam Memantau Aktiviti Pelajar: Tinjauan Terhadap Unit Kediaman Luar Kampus, UPSI. *Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Mohd Yusof, Jawiah Dakir, Abd Latif, Mohd Safar, Noor Aziah, Shamsul Azhar, Rosilawati mohd, Norazila & Mujahid Abu Bakar. 2012. Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi, *Jurnal Hadhari Special Edition, 67-78.*

- Morshidi, S., Heng, C. L., Munir, S., Shukran, A. R., Seri Rahayu, A. K. & Jasvir Kaur, N. S. Nachatar. 2012. Graduate Employability in Asia. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)*.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pital. 2014. Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua, *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Noor Azyani A. J. & Ahmad, E. 2012. Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum (Khidmat Masyarakat) Dalam Kalangan Pelajar UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah Dalam PTV Kali Ke-2*.
- Nur Izza Ainaa, M. R. & Wan Hanim Nadrah, W. M. 2014. Leadership of Technical Students Through Co-Curriculum Activities in University. *Journal of Management Policies and Practices Vol. 2, No. 2, Pp. 39-43*.
- OECD .2015.OECD Skills Outlook 2015: Youth, Skills And Employability. *OECD Publishing*.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- Stirling, A, E. & Gretchen A. K. 2015 Creating Meaningful Co-Curricular Experiences in Higher Education. *Journal of Education & Social Policy Vol 2(6)*.
- Tahir, K., Yassin, Md.R. & Mustapha, R. 2008. Faktor Penyumbang Kepada Tahap Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia*. 22-23.
- Wasal Khan & Mohammad Iqbal. 2014. Role of Co-Curricular Activities in School Effectiveness. *Middle-East Journal of Scientific Research 21(11):2169-2176*.
- Weber, B. 2008. Student Involvement in Co-Curricular Activities and Success on The Kansas Mathematics and Reading Assessments. *Baker University. Theses*
- Wilson, N. 2009. Impacts of Extracurricular Activities on Students. *University of Wisconsin-Stout*.
- Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton & Wan Muhammad. 2012. Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah?: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan (Why Students Are Afraid to Ask during Lectures? : A Study in University Malaysia Kelantan), *Jurnal Personalia Pelajar 15 (2012): 13-22*